

PENGEMASKINIAN TERMA DAN SYARAT

TERMA DAN SYARAT BSN SIJLSIMPANAN PREMIUM (SSP)

KLAUSA	SEDIA ADA		DIKEMAS KINI	
A. TERMA DAN SYARAT AM				
3. JENIS BSN SSP DAN TERMA KHUSUS		BSN SSP (Mudarabah)		BSN SSP (Mudarabah)
	3.2 Tempoh Peletakan	Tempoh Minimum: Empat puluh lima (45) hari	3.2 Tempoh Peletakan	Tiada tempoh minimum atau maksimum.
	3.3 Keuntungan	(a) Kadar Keuntungan: (iii) N/A (c) Formula pengiraan: Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP akan dikira berdasarkan Baki Minimum Bulanan dengan syarat BSN SSP hendaklah aktif sepenuhnya sepanjang bulan tersebut, berdasarkan formula berikut: Baki Minima Bulanan X Kadar Keuntungan Indikatif* X Bilangan Hari peletakan BSN SSP / 365 (Bukan Tahun Lompat) atau 366 (Tahun Lompat) *Nota: Sila Rujuk NPK dan Kadar Keuntungan Indikatif semasa yang dipaparkan di Laman Web Bank.	3.3 Keuntungan	(a) Kadar Keuntungan: (iii) Jika Pelanggan menebus mana-mana Langganan BSN SSP sebelum genap satu bulan tempoh pengakruan keuntungan, Pelanggan tidak akan menerima sebarang keuntungan bagi tempoh tersebut. (c) Formula pengiraan: Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP akan dikira berdasarkan Baki Minimum Bulanan dengan syarat BSN SSP hendaklah aktif sepenuhnya sepanjang bulan tersebut, berdasarkan formula berikut. Pengakruan keuntungan bagi tempoh satu bulan penuh dikira dari tarikh 16 haribulan suatu bulan sehingga 15 haribulan bulan berikutnya: Baki Minima Bulanan X Kadar Keuntungan Indikatif* X Bilangan Hari peletakan BSN SSP / 365 (Bukan Tahun Lompat) atau 366 (Tahun Lompat) *Nota: Sila Rujuk NPK dan Kadar Keuntungan Indikatif semasa yang dipaparkan di Laman Web Bank.
	3.4 Penebusan	BSN SSP (Mudarabah) boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya selepas empat puluh lima (45) hari dari tarikh Langganan.	3.4 Penebusan	BSN SSP (Mudarabah) boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya pada bila-bila masa dari tarikh Langganan.

<p>6. PRINSIP SYARIAH</p>	<p>Pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan/semasa di BSN untuk tujuan pengkreditan keuntungan (dividen) boleh menuntut keuntungan (dividen) melalui mana-mana kaunter cawangan BSN dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembayaran keuntungan (dividen). Sekiranya tidak dituntut, keuntungan (dividen) tersebut akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tidak Dituntut" dan akan diuruskan oleh Bank berdasarkan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.</p>	<p>Pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan/semasa di BSN untuk tujuan pengkreditan keuntungan (dividen) boleh menuntut keuntungan (dividen) melalui mana-mana kaunter cawangan BSN dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pembayaran keuntungan (dividen). Sekiranya tidak dituntut, keuntungan (dividen) tersebut akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tidak Dituntut" dan akan diuruskan oleh Bank berdasarkan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.</p>
----------------------------------	---	--